



Asian Productivity Organization “The APO in the News”

Name of publication: Utusan Malaysia (20 October 2016, Malaysia)

Page: p. 19

MITI yakin Bajet 2017 tingkat produktiviti

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA
ekonomi@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 19 OKT.

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) yakin hasrat meningkatkan pertumbuhan purata produktiviti negara akan tercapai melalui peruntukan Bajet 2017.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, dengan dana yang kukuh, pihaknya melalui Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dapat melaksanakan pelbagai aktiviti ke arah meningkatkan produktiviti dan sektor eksport.

Jelasnya, antara aktiviti tersebut adalah melakukan inovasi untuk industri kecil dan sederhana, mentransformasikan sektor perkhidmatan dan pembuatan serta meningkatkan sektor automasi dan pendigitalan yang mana kesemuanya bertujuan meningkatkan tahap efisien sedia ada.

“Kami faham penjimatan perlu diutamakan berikutan kejatuhan harga minyak mentah, tetapi berharap Perdana Menteri dapat mempertimbangkan peruntukan yang munasabah dan sesuai

dalam usaha kementerian dan MPC meningkatkan ekonomi negara.

“Ini sebagai usaha mencapai sasaran 3.7 peratus pertumbuhan purata produktiviti negara seperti yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11),” katanya selepas merasmikan Bengkel Pertubuhan Produktiviti Kebangsaan Ke-57 di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi MPC, Tan Sri Azman Hashim dan Setiausaha Agung Pertubuhan

Produktiviti Asian (APO), Dr. Santi Kanoktanaporn.

Bengkel selama tiga hari yang disertai 19 buah negara anggota Asia itu bertujuan membincang dan membuat penilaian semula projek-projek di bawah APO, selain melihat keperluan lain dalam usaha memperkasakan produktiviti untuk setiap negara anggota.

Ka Chuan berkata, kementerian walau bagaimanapun terus mengambil sikap proaktif menerusi pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) sebagai alternatif mewujudkan ekosistem ke arah memupuk kreativiti dan inovasi.

Beliau percaya, NBOS membolehkan penyampaian projek berimpak tinggi dilaksanakan, seterusnya memberi manfaat kepada rakyat dengan cara yang paling cekap dan efektif.

ONG KA CHUAN
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II

Ini sebagai usaha mencapai sasaran 3.7 peratus pertumbuhan purata produktiviti negara seperti yang ditetapkan dalam RMK-11.”

MENJELANG BAJET 2017